

## RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat disini.  
Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

## INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMBANTU RUMAH

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian kepada pembantu rumah anda, yang disebabkan semata-mata oleh peristiwa yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan kebetulan yang berlaku pada masa, tarikh dan tempat yang boleh dikenal pasti semasa Tempoh Insurans, yang hendaklah, tanpa sebarang sebab lain, menjadi punca tunggal kecederaan badan, hilang upaya kekal atau kematian.

### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Manfaat-manfaat adalah seperti yang di bawah:

SEKSYEN	MANFAAT		JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)	
<b>Kemalangan Diri</b>				
1.	(a) Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah Prinsipal Diinsuranskan	35,000	
	(b) Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan			
	(c) Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan (Lebih RM50.00)	Sehingga 1,000	Sehingga 100	
	(d) Bayaran Ambulans			
2.	<b>Perbelanjaan Penghantaran Pulang akibat Kecederaan Badan</b>	Sehingga 5,000		
3.	<b>Perbelanjaan Hospital dan Pembedahan</b>	Sehingga 5,000		
4.	<b>Manfaat Mingguan</b> (sehingga maksimum sepuluh (10) minggu)	Sehingga 100 setiap minggu		
5.	<b>Liabiliti Vikarius</b> (Liabiliti Pihak Ketiga)	Sehingga 5,000		

Beberapa maklumat perlindungan asas yang perlu anda ketahui:

1. Jumlah diinsuranskan dan/atau had untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk Tempoh Insurans.
2. Peratusan daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang boleh dibayar di bawah Seksyen 1(b) Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan adalah mengikut Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi.
3. Jumlah agregat semua peratusan yang boleh dibayar berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan untuk semua manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 1(a) dan 1(b) tidak boleh melebihi 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang telah diperuntuk kepada Orang Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi. Sekiranya jumlah keseluruhan 100% telah dibayar dalam tempoh insurans, polisi ini akan terbatas dengan serta-merta.
4. Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda mempunyai pilihan untuk memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun bagi menikmati perlindungannya.

*Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk kontrak polisi untuk butiran lanjut tentang perlindungan.*

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium kasar yang perlu dibayar ialah RM75.00 bagi setiap Orang yang Diinsuranskan (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan duti setem yang berkenaan).

### 4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Jenis	Amaun
<b>Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans</b>	<b>25% daripada Premium Kasar</b>
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	<b>Yang berkenaan</b>
<b>Duti Setem (dikecualikan sehingga 2025)</b>	-

## **5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?**

### **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan The Pacific Insurance Berhad dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang kenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu The Pacific Insurance Berhad dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad (atau semasa memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan perkara - perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan The Pacific Insurance Berhad dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu The Pacific Insurance Berhad dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad (atau semasa memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### **Tugas Pendedahan**

Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda, kerana faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada profil risiko anda.

### **Pembayaran Sebelum Perlindungan**

Adalah menjadi asas dan syarat kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima pembayaran premium sebelum tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/pembaharuan ini.

### **Had Wilayah**

Had wilayah yang dilindungi di bawah polisi ini adalah dalam Malaysia sahaja.

## **6. Apakah kriteria kelayakan untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah polisi ini?**

Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah merupakan seorang pembantu rumah:

- (a) berumur di antara lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun;
- (b) di bawah penggajian yang sah oleh Pemegang Polisi; dan
- (c) merupakan seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas, atau bekerja secara sah di Malaysia.

## **7. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh pelbagai kejadian dan aktiviti, termasuk risiko perperangan, risiko nuklear, HIV/AIDS, kecederaan diri sendiri yang disengajakan, membunuh diri, sebarang jenis penyakit (kecuali keadaan yang dinyatakan secara khusus di bawah Seksyen 3 – Perbelanjaan Hospital dan Pembedahan dan Seksyen 4 – Manfaat Mingguan), melahirkan anak, keadaan kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada, keguguran dan kehamilan, dan di bawah pengaruh alkohol dan dadah. Anda juga tidak dilindungi semasa mengambil bahagian dalam atau berkaitan dengan aktiviti tertentu seperti polis atau operasi tentera, sebarang aktiviti udara selain sebagai penumpang dalam pesawat yang berlesen, penyertaan dalam sukan profesional atau semi-profesional, sukan bermotor, persembahan berisiko tinggi, pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi, dan semasa melakukan aktiviti jenayah menyalahi undang-undang atau berniat jahat.

*Note: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

## **8. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dan syarikat akan membayar balik sebarang premium bagi tempoh insurans yang belum tamat, dikira mengikut kadar tempoh pendek The Pacific Insurance Berhad, dengan syarat tiada tuntutan yang timbul dalam tempoh insurans. Tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM35 yang akan disimpan oleh syarikat.

The Pacific Insurance Berhad boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis selama 7 hari kepada anda. The Pacific Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan timbul sepanjang tempoh insurans.

## **9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada alamat atau butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam butiran data peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyrurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## **10. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?**

Sekiranya berlaku sebarang tuntutan, anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi:

**The Pacific Insurance Berhad,**

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)

Laman Sesawang: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

**12. Pengakuan**

Saya/Kami mengakui bahawa terma utama kontrak di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....  
Tandatangan

**NOTA PENTING:**

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHWA PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI ATAU DIISYTIHARKAN SEBAGAI ORANG YANG DIINSURANSKAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemeritahuan Produk ini adalah sah dari 27 November 2024.